

JABATAN KORPORAT  
TARIKH: 27.02.2025 MASA: 6.00PM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN  
KITAR SEMULA PERINGKAT SEKOLAH BAGI TAHUN  
2024 ANJURAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG  
PERAI, FRASER & NEAVE HOLDING BHD (FNHB)  
DENGAN KERJASAMA TETRAPAK (MALAYSIA)  
SDN BHD**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**28 FEBRUARI 2025 (JUMAAT)**  
**4.00 PETANG**

**AUDITORIUM MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berusaha Puan Terrynz Tan**

Syarikat Tetra Pak (Malaysia) Sdn. Bhd.

Sustainability Director, ASEAN Region

**Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**

Setiausaha Bandaraya

**Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin**

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap Penyampaian Hadiah  
Program Kempen Dan Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah 2024

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Guru-Guru Dan Pelajar-Pelajar Sekolah

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

---

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Bersama-sama marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada petang yang penuh bermakna ini untuk menyaksikan **Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah Bagi Tahun 2024 Anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai, Fraser & Neave Holding Bhd (FNHB) Dengan Kerjasama Tetrapak (Malaysia) Sdn Bhd.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Fraser & Neave Holding Bhd (FNHB) dan Tetrapak (Malaysia) Sdn Bhd yang telah bekerjasama erat dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam menjayakan program ini. Inisiatif seperti ini bukan sahaja memperkuuh hubungan strategik antara sektor swasta dan Pihak Berkuasa Tempatan, malah turut memperkuuhkan usaha kita dalam membudayakan amalan hijau demi kesejahteraan sejagat.
3. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis ini. Semangat dan usaha gigih anda semua amatlah dihargai kerana ia melambangkan keprihatinan

terhadap pemeliharaan alam sekitar dan membentuk sahsiah generasi muda yang lebih bertanggungjawab.

4. Majlis ini diadakan bagi memberi penghargaan kepada para pelajar dan sekolah-sekolah yang telah menunjukkan komitmen tinggi dalam usaha menggalakkan amalan kitar semula. Sejak pertandingan ini diperkenalkan pada tahun 2017, kita telah menyaksikan pertumbuhan positif dari segi jumlah kutipan bahan kitar semula dan penyertaan daripada sekolah menengah, sekolah rendah serta tadika dan prasekolah.
5. Walaupun program ini terpaksa dihentikan sementara pada tahun 2020 dan 2021 akibat pandemik COVID-19, namun ia kembali dengan lebih bersemangat sejak 2022, dengan penyertaan yang semakin meningkat tahun demi tahun. Pada tahun ini sahaja, sebanyak 114,608.53 kilogram barang kitar semula telah berjaya dikumpulkan, menjadikan jumlah kutipan terkumpul sejak penganjurannya pada 2017 mencecah lebih 600,000 kilogram, satu pencapaian yang sangat membanggakan. Penyertaan bagi tahun ini juga menunjukkan peningkatan yang signifikan, khususnya dalam kategori sekolah rendah yang melonjak kepada 34 penyertaan berbanding tahun sebelumnya.
6. Dalam pertandingan ini, pemenang dinilai berdasarkan jumlah kutipan per kapita bagi kategori aluminium, plastik, kertas, dan tetrapak. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pemenang

atas kejayaan yang dicapai serta kepada semua sekolah yang telah mengambil bahagian. Penglibatan aktif para pelajar dalam pertandingan ini mencerminkan kesedaran dan keprihatinan mereka terhadap pemeliharaan alam sekitar, sekaligus membuktikan bahawa usaha kecil yang berterusan mampu membawa impak besar kepada komuniti dan persekitaran kita.

7. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada pihak Fraser & Neave Holding Bhd (FNHB) yang telah menaja hadiah utama serta Anugerah Khas Kutipan Plastik Tertinggi dan Anugerah Khas Kutipan Aluminium Tertinggi dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM20,030.00. Tidak lupa juga kepada Tetrapak (Malaysia) Sdn Bhd yang telah menaja Anugerah Khas Kutipan Kotak Minuman Tertinggi bernilai RM1,700.00. Tajaan keseluruhan berjumlah RM21,730.00 ini pastinya menjadi dorongan buat para peserta untuk terus mengamalkan budaya kitar semula di sekolah masing-masing.
8. Saya amat berharap agar pertandingan ini terus mendapat sambutan pada tahun-tahun mendatang. Institusi pendidikan merupakan titik tolak yang penting dalam membentuk masyarakat yang prihatin terhadap alam sekitar. Oleh itu, usaha menggalakkan kitar semula harus terus diperkasakan, bukan hanya di sekolah tetapi juga dalam kehidupan seharian kita.
9. MBSP sentiasa komited dalam menyokong dan memperkasa usaha pemeliharaan alam sekitar, sejajar dengan misi kami untuk

mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdaya huni.

Inisiatif seperti ini amat penting dalam mendukung visi "Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar."

10. Dengan ini, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para pemenang dan syabas kepada semua yang telah berusaha menjayakan pertandingan ini. Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi kepada semua untuk terus mengamalkan kitar semula sebagai sebahagian daripada gaya hidup.
11. Sebelum mengakhiri ucapan, Alhamdulillah dan insya-Allah, dalam beberapa hari lagi, kita akan menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak, bulan yang penuh keberkatan dan keampunan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada semua yang beragama Islam. Semoga Ramadan kali ini membawa keberkatan, mendidik hati dan jiwa kita untuk terus memperkuuhkan nilai-nilai murni, serta meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***